



# SIARAN MEDIA

## SESI PENDENGARAN AWAM DRAF PROSEDUR OPERASI STANDARD PERLOMBONGAN UNSUR NADIR BUMI BUKAN RADIOAKTIF (NR-REE) DI NEGERI PERAK

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sentiasa berusaha memajukan ekonomi negara melalui pembangunan industri mineral yang bertanggungjawab dan mampan. Industri mineral memberikan sumbangan yang sangat signifikan kepada pembangunan ekonomi dan menyediakan sebahagian besar bahan asas kepada industri meliputi sektor pembinaan, pembuatan, perkilangan, pengangkutan, infrastruktur, tenaga dan pertanian.

KeTSA juga telah mengenalpasti sumber mineral baharu yang berpotensi untuk dibangunkan iaitu unsur nadir bumi bukan radioaktif (*Non-Radioactive Rare Earth Elements* - NR-REE). Pengelasan bukan radioaktif ini adalah seperti mana ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304]. Bagi memastikan industri NR-REE ini dibangunkan secara terkawal dan teratur, KeTSA bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Perak telah menyediakan draf Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlombongan NR-REE Di Negeri Perak.

SOP ini meliputi 3 peringkat aktiviti perlombongan iaitu **pra-perlombongan, semasa perlombongan dan pasca perlombongan**. Bagi setiap peringkat tersebut, disediakan prosedur yang perlu dipatuhi bagi memenuhi keperluan perundangan, keselamatan, kesihatan dan pembangunan lestari berkaitan terutamanya di bawah Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Kesihatan Malaysia dan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Dokumen SOP ini telah disemak dan dinilai oleh sebuah Jawatankuasa Eksekutif, terdiri daripada individu-individu yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang perlombongan, hidrologi, hidrogeologi dan pembangunan lestari.

Sesi Pendengaran Awam SOP Perlombongan NR-REE Di Negeri Perak ini akan diadakan pada 19 Disember 2021 di Ipoh, Perak bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan mengenai SOP yang telah dibangunkan. Dokumen yang telah melalui sesi konsultasi ini akan disesuaikan berdasarkan input yang diperolehi sebelum dikuatkuasakan di Negeri Perak. Selain itu, dokumen berkenaan juga akan diperluaskan ke negeri-negeri lain yang berhasrat menerokai aktiviti perlombongan NR-REE.

Orang ramai dijemput hadir secara fizikal terhad kepada 150 penyertaan selaras dengan SOP Pelan Pemulihan Negara Berfasa di bawah Majlis Keselamatan Negara. Penyertaan juga dibuka secara dalam talian tanpa had penyertaan. Sebarang penyertaan ke sesi ini, perlu mendaftar di pautan [https://www.ketsa.gov.my/ms-my/Pages/SOP\\_NRREE.aspx](https://www.ketsa.gov.my/ms-my/Pages/SOP_NRREE.aspx) untuk pengesahan kehadiran dan bagi penyertaan fizikal adalah secara *first come first serve basis*. Pendaftaran boleh dilakukan mulai 13 hingga 18 Disember 2021. Draf SOP ini boleh dimuat turun menerusi pautan yang sama bagi membolehkan pihak yang berminat untuk meneliti dan memberi cadangan penambahbaikan, sekiranya ada.

Penyediaan SOP NR-REE Negeri Perak adalah usaha penting Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan aktiviti perlombongan NR-REE diusahakan secara bertanggungjawab dan mampan. Menerusi SOP ini juga, pembangunan NR-REE dapat dikawalselia secara menyeluruh agar alam sekitar dan kesejahteraan rakyat sentiasa dipelihara.

## **KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**14 DISEMBER 2021**

